

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 14 RABU 5 APRIL, 1967.

رابعو 24 ذوالحجه 1386

PERCHUMA

Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei Menghadhiri Persidangan ECAFE di-Tokyo

BERAKAS. — Sa-rombongan empat orang Pegawai2 Kanan Kerajaan telah berangkat dari Brunei ka-Tokyo dengan kapal terbang pada hari Juma'at 31 Mach, 1967 untuk mewakili negeri ini dalam Persidangan Surohanjaya Ekonomi untuk Asia dan Timor Jauh, Pertubohan Bangsa2 Bersatu (ECAFE).

Rombongan tersebut di-ke-tuai oleh Setia Usaha Kerajaan

Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim serta mengandongi Awang Hussein bin Pehin Orang Kaya Di-Gadong Dato Utama Awang Haji Mohamed Yusof, Awang Zakaria bin Haji Sulaiman dan Dato Paduka Doktor J. S. Gould.

Dato Paduka Doktor Gould, Penasehat Ekonomi Pertubohan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei ada-lah bertugas sa-bagai Penasehat kepada rombongan tersebut. Awang Hussein ia-lah Penolong Pe-

gawai Kewangan Negara dan Awang Zakaria ia-lah sa-orang Pegawai Pentadbir di-Jabatan Setia Usaha Kerajaan.

Persidangan tersebut di-adakan sa-bagai mengambil sempena Hari Ulang Tahun yang ke-dua puluh penubohan Surohanjaya Ekonomi untuk Asia dan Timor Jauh, Pertubohan Bangsa2 Bersatu.

Di-antara berbagai2 perkara yang di-bincangkan dalam persidangan tersebut ia-lah mengenai perkembangan ekonomi dalam Asia dan Timor Jauh dan penyata2 dari wakil2 Pertubohan ECAFE itu.

Pengiran Anak Jaga Meninggal Dunia

BANDAR BRUNEI.— Yang Amat Mulia Pengiran Anak Jaga binte Al-Marhom Sultan Hashim, berumur 77 tahun telah kembali ka-Rahamatullah Ta'ala di-Kuala Belait kira2 pada jam 6.00 pagi hari Ahad 2 April, 1967 sa-lepas mengidap sakit tua samenjak beberapa bulan yang lalu.

Allah Yarhamah ia-lah Bonda Saudara kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan juga kekanda kepada Yang Amat Mulia Pengiran Haji Anak Kamis.

Jenazah Allah Yarhamah telah selamat di-kebumikan di-Makam Di-Raja, Bandar Brunei dengan di-hadhiri oleh ramai Kerabat Di-Raja, keluarga serta sahabat handai Allah Yarhamah.


Jema'ah2 Haji Balek Bulan Ini

BANDAR BRUNEI.— Jema'ah2 Haji dari Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Tanah Suchi pada tahun ini untuk menunaikan fardhu Haji akan balek ka-Brunei dalam bulan ini.

Jema'ah2 Haji yang berangkat ka-Tanah Suchi dengan menaiki kapal terbang dari Brunei ka-Jeddah di-jadualkan tiba di-Lapangan Terbang Brunei dari Jeddah, melalui Kuala Lumpur dan Singapura pada hari Isnin 10 April 1967.

Di-antara Jema'ah2 Haji tersebut ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Haji Anak Kamis ibni Al-Marhom Sultan Hashim.

Jema'ah2 Haji yang belayar ka-Jeddah dengan kapal laut di-jadualkan tiba di-Labuan dengan kapal "Anshun" pada hari Rabu 19 April dan akan balek ka-Brunei dengan menaiki kapal2 Kerajaan Brunei pada hari itu juga. Demikian menurut Pegawai Urusan Haji Brunei Awang Kassim bin Haji Ahmad.



Penolong Penguasa Pelajaran Melayu Negeri Brunei Awang Mohamed Husain bin Mohamed Yusof sedang menyalaikan ubor sa-bagai tanda merasmikan pembukaan temasha Sokan Tahunan Sekolah Menengah Melayu Pertama di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari Ahad 2 April, 1967. Pemangku Pengetua S.M.M.P. Che'gu Abdul Jalil bin Abdul Rahman kelihatan dalam gambar ini sedang menyaksikan upacara tersebut.

20 Orang Penuntut2 Sekolah2 Ugama Brunei Melanjutkan

BERAKAS. — Seramai 20 orang penuntut2 Sekolah2 Ugama dari Negeri Brunei yang mendapat biasiswa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, melalui Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei untuk melanjutkan pelajaran mereka ka-luar negeri telah berlepas dari Brunei dengan kapal terbang ka-Malaysia pada pagi 27 Mach, 1967.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin merencanakan bahawa langkah Kerajaan Brunei menghantar penuntut2 Ugama yang di-kurniakan biasiswa ka-beberapa buah negeri di-Malaysia, ada-lah saimbang dengan hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mulia untuk memperdalam dan memperluaskan Pengajaran Ugama, baik di-Peringkat Rendah, maupun di-Peringkat Menengah.

“Walaupun dari sekarang Sekolah Menengah Ugama Lelaki (Arab) Hassanel-Bolkiah, dan Sekolah Menengah (Arab) Raja Isteri Pengiran Anak Damit telah di-mulakan di-Brunei, akan tetapi langkah menghantarkan penuntut2 Brunei ka-luar negeri bagi permu-

Pelajaran Di-Luar Negeri

laan ini tidak akan melibatkan Sekolah2 Menengah tersebut”, kata beliau.

Sa-terus-nya Y.A.M. Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin berkata: “Saya mengharap dan ingin melihat dalam jangka panjang di-bahagian pelajaran ugama pada 5 - 10 tahun akan datang, penuntut2 Brunei akan berkesempatan turut sama mengendalikan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Sekolah2 Ugama dan Mesjid2 dalam pentadbiran dan persekolahan, akan membawa perkembangan yang lebih besar dalam penyiaran shi'ar Islam, terutama di-bidang pelajaran dalam negeri ini.

Tetapi perkara penting yang harus di-perhatikan di-samping Kerajaan bermurah hati, sapatut-nya-lah penuntut2 yang mendapat biasiswa itu berte-

rima kaseh kapada Kerajaan D.Y.M.M. Maulana Al-Sultan dan juga patut bersungguh2 menyedari tanggung jawab mereka pada masa menjalani peluang ka-emasan itu, dengan tekun pada pelajaran sa-mata2 tidak mengalehkan pada yang lain. Di-samping itu galakkan patut-lah jua dari ibu bapa yang turut bergembira kerana anak2 mereka menerima biasiswa Kerajaan itu.”

Akhir-nya beliau mengharap kan sa-moga penuntut2 tersebut akan berjaya “melayarkan Bahtera Biasiswa yang di-kurniakan oleh Kerajaan D.Y.M.M. di-Lautan Pelajaran itu”.

Penuntut2 tersebut akan belajar di-sekolah2 yang berikut: Sekolah Raja Permpuan Ta'ayah, Perak ia-lah Dayang Norlia binte Haji Yusof dan

Dy. Mastura binte Haji Awang. Sekolah Izzuddin Perak ia-lah Ak. Othman bin Pgn. Ibrahim dan Awg. Hasnan bin Haji Abdul Rahman.

Madrasah Al-Na'ain, Kelantan ia-lah Dy. Salmiah binte Md. Yusof, Dy. Fatimah binte Abdul Ghani dan Dy. Rahimah binte Abu Bakar.

Sekolah Arab Khariah Rendah, Trengganu ia-lah Dy. Gandi binte Haji Abd. Rahman, Dy. Piah binte Sa'at, Dy. Zaleha binte Md. Zain, Dy. Tiamah binte Damit dan Dy. Rasidah binte Haji Abdul Hamid.

Sekolah Arab Sultan Zainal Abidin Rendah, Trengganu ia-lah Ak. Zabaruddin bin Pgn. Md. Salleh, Awg. Kamis bin Ali, Ak. Ghani bin Pgn. Tengah, Awg. Sarbini bin Bidin, Awg. Taha bin Haji Ibrahim, Awg. Kassim bin Mohammad, Awg. Yusof bin Sabtu dan Awg. Abdullah bin Haji Abd. Rahman.

PESTA HARI RAYA HAJI

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Sufri Bolkiah, Putera Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah berangkat ka-Dewan Madrasah, Bandar Brunei untuk menyaksikan Pesta Hari Raya Haji pada malam 31 Mach, 1967.

Temasha tersebut telah diadakan di-bawah anjoran Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei dengan di-hadiri oleh ramai Kaum Muslimin dan Muslimat.

Turut hadir di-temasha tersebut ia-lah Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin; Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Mulia Awg. Haji Mohamad Zain bin Haji Seruddin; Penguasa Penerangan dan Tabligh Brunei, Yang Mulia Awg. Abdul Hamid bin Bakal serta ramai Pegawai2 Kerajaan dan lain2-nya.

Di-antara acara2 yang telah diadakan di-temasha tersebut ia-lah Peraduan Azan serta persembahan *Tablo* berjudul “*Naik Haji*”, arahan bersama Ustadz Abdul Jalil Haji Noor dan Awg. Mohd. Ali Yussof.

Acara tersebut di-mulai dengan Bacha'an Al-Qur'an. Kemudian ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Sambutan terse-

but, Awg. Abdul Hamid bin Bakal dan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Satu Sharahan Khas mengenai Hari Raya Haji telah di-lafadzkan oleh Awg. Abdul Rahman bin Kahr.

Para penonton yang hadir juga telah di-beri peluang untuk mengambil bahagian dalam satu acara yang istimewa yang di-beri nama Duga Akal.

Pemangku Kadhi Besar Negeri Brunei, Yang Mulia Awg. Haji Mohamad Zain bin Haji Seruddin telah menyampaikan hadiah2 kapada peserta2 yang berjaya dalam Peraduan Azan dan juga hadiah2 sagu hati kapada peserta2 yang tidak berjaya dalam peraduan itu.

Seramai 10 orang telah mengambil bahagian dalam Peraduan Azan pada malam tersebut dan keputusan-nya adalah seperti berikut: —

Johan — Awang Mukim bin Awang Hassan dari Kampung Anggerek Desa, Brunei. *Naib Johan* — Pgn. Muhidi bin Pgn. Omar dari Kampung Kianggeh, Bandar Brunei. *Pemenang Ketiga* — Awg. Abdul Wahab b. Pehin Tuan Imam Haji Matasim dari Bandar Brunei.

Peraduan Azan itu telah di-hakimkan oleh Ustadz Hassan Zaki, Ustadz Ibrahim Jamak dan Ustadz Haji Khalidi.

Sa-belum di-adakan acara penyampaian hadiah, Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Md. Said telah Membacha Do'a Selamat.

KENYATA'AN POLIS

PEHAK Polis Di-Raja Brunei akan menembak anjing2 yang berkeliaran di-Lapangan Terbang Berakas untuk menjauhi kemalangan apabila kapal2 terbang mendarat di-Lapangan Terbang itu.

Orang2 yang tinggal berhampiran dengan kawasan Lapangan Terbang Berakas ada-lah di-ingatkan supaya berhati2 dan jangan-lah berperasaan chemas apabila mendengar bunyi tembakan itu.

Jadual menembak anjing2 di-Lapangan Terbang Berakas dalam bulan ini ada-lah seperti berikut: —

Hari Khamis 6 April, jam 5-15 petang.

Hari Sabtu 8 April dari jam 6-45 pagi hingga 9-00 pagi.

Hari Sabtu 15 April dari jam 6-45 pagi hingga 9-00 pagi.

Hari Khamis 20 April jam 5-15 petang.

Hari Sabtu 22 April dari jam 6-45 pagi hingga 9-00 pagi.

Hari Khamis 27 April jam 5-15 petang.

Hari Sabtu 29 April dari jam 6-45 pagi hingga 9-00 pagi.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 5 April, 1967 hingga ka-hari Selasa 11 April, 1967 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Matahari Terbit							
Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh
5 April	12-29	3-44	6-33	7-45	4-46	5-03	6-18
6 April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
7 April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
8 April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
9 April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
10 April	12-28	3-43	6-32	7-44	4-46	5-00	6-16
11 April	12-27	3-42	6-32	7-44	4-45	4-59	6-14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Benarkah Islam di-Siarkan dengan Pedang?

BUKAN tidak ada orang yang mengatakan bahawa Islam dikembangkan dengan menggunakan pedang dan dengan kekerasan dan paksa'an, betulkah tuduhan ini?

Saya kira apa yang akan saya paparkan di-dalam renchana kali ini sebanyak sedikit akan membukakan fikiran kita apakah tuduhan itu benar atau tidak.

Dalam renchana ini saya akan chuba meninjau hakikat dan kenyataan Islam dan dari sudut sejarah sebenar-nya, supaya akan terbukti-lah kepada kita bahawa Uagama Islam tidak pernah dan tidak sekali2 memaksa sesiapa untuk memelok atau menganut-nya dan Nabi Mohammad serta pengikut2-nya tidak pernah mengembangkan Islam dengan paksa'an.

ANTARA TUDOHAN2 TERHADAP ISLAM

HENRY JESSUP, sa-orang Pengembang Uagama Keristian berkata: Orang2 Islam tidak faham dan tidak tahu menilai segala uagama..... Mereka penchuri, pembunuh dan orang2 yang mundur. Pengembang Uagama Keristian akan berusaha mentammaddunkan mereka.....

Sedangkan "H. Gullimain"—dalam buku-nya yang bernama "Sejarah Peranchis" telah mengatakan: "Sesungguhnya Mohammad sebagai pengasas Uagama Islam telah memerintahkan pengikut2-nya supaya menundukkan dunia di-bawah kekuasaan-nya dan menukarkan uagama2 kepada uagamanya. Alangkah jauh-nya perbezaan orang2 yang tiada berugama dengan orang2 keristian. Sesungguhnya orang2 Arab itu telah memaksakan uagama mereka dengan kekerasan. Dan mereka berkata kepada manusia sama ada kamu masuk Islam atau mati, sedangkan pengikut2 Isa telah memenangi jiwa manusia dengan kebaikan dan ka-ihsanan."

Begitu-lah antara lain2 kata2 yang di-limparkan kepada Islam dan Nabi Mohammad serta pengikut2-nya dari pihak2 yang fanatik dan membuat kajian dengan peroh sentimen.

Tapi bagi mereka yang pernah mengkaji Islam dan sejarah dengan tujuan mencari hakikat yang sebenar-nya tidaklah akan tergamak mengeluarkan kata2 yang demikian.

Chuba kita ikuti apa kata orang2 yang berfikiran insaf tentang kebenaran dan kenyataan. Sa-orang Orientalist Peranchis pernah berkata: "Sesungguhnya Mohammad dalam kebanyakan perjalan hidup-nya telah menampakkan

kesederhanaan yang menarik perhatian, beliau menunjukkan —pada kemenangan akhir-nya— betapa kebesaran jiwa-nya yang hampir tidak ada banding-nya dalam sejarah, sebab beliau memerintahkan tentera2-nya supaya mema'afkan (jangan menyentuh) orang2 yang lemah, kanak2 dan kaum wanita. Dan beliau juga telah mengingatkan supaya jangan merosakkan rumah2 atau membakar dan memotong pokok buah2an malahan beliau melarang untuk menggunakan pedang kecuali jika keadaan benar2 memaksa".

Daripada kata2 ini nyata-lah bahawa orang2 Barat sendiri (yang berfikiran insaf) telah mengakui bahawa Mohammad dan orang Islam tidak pernah membuat paksa'an untuk memasuki uagama Islam.

HAKIKAT ISLAM SA-BENAR-NYA

Islam sebagai uagama yang di-turunkan Tuhan untuk kepentingan manusia, sebenar-nya mempunyai prinsip2 yang mengandong daya penarik yang tersendiri. Daya penarik yang memungkinkan manusia tunduk pada-nya tanpa paksa'an apa2. Antara prinsip2 Islam itu ia-lah:

1. Islam tidak bertentangan dengan tabiat kejadian manusia.

Firman Allah di-dalam Surah Al-Rum Ayat 30 yang lebih kurang bermaksud: "Luruskan muka engkau menghadap uagama Islam serta chondong kepada-nya. Itu-lah uagama Allah, di-jadikan-Nya manusia bersesuaian dengan keadaan-nya. Tidak-lah berobah peratoran kejadian manusia itu. Itu-lah uagama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahu-nya.

Erti-nya Uagama Islam ini

Di-susun oleh:
ABDUL HAMID BIN BAKAL, M.A. (AL-AZHAR)
Di-keluarkan oleh Badan Penerangan
Uagama Islam, Brunei.

bersesuaian dengan kejadian manusia, sedang kejadian-nya itu tidak berubah2. Kalau sekira-nya kita biarkan manusia itu berfikir dengan fikiran-nya yang waras, neschaya pada akhir-nya ia-akan sampai kepada Islam. Tetapi kerana manusia itu terpengaruh oleh adat istiadat dan pergaulan-nya, maka ia menjadi terjauh dari uagama Islam. Pendek-nya Uagama Islam itu bersesuaian dengan fikiran waras dan akal yang sempurna.

2. Kerana Islam ada-lah uagama yang sederhana yang sesuai dengan semua peringkat manusia, sebab Islam ada-lah uagama untuk manusia seluroh-nya.

Di-dalam Al-Qur'an ada disebutkan yang bermaksud: (Dan tidak-lah kami utuskan engkau (Mohammad) melainkan untuk manusia seluroh-nya ia-itu sebagai memberi berita gembira dan berita duka, tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahu-nya).

3. Kerana Islam ada-lah uagama yang menjunjung tinggi akal fikiran dan kebebasan sa-saorang. Akal fikiran manusia di-kurniakan Allah ia-lah untuk membuat pertimbangan sendiri dalam semua lapangan hidup-nya. Sebab itu Allah tiada pernah memaksa manusia untuk beriman dengan-nya. Firman Allah di-dalam Al-Qur'an yang bermaksud: (Tidak ada paksaan di-dalam uagama).

4. Kerana kewajipan sa-orang Rasul ia-lah menyampaikan wahyu Allah di-mana dalam penyampaian ini tidak pernah timbul apa juga paksaan atau menggunakan kekerasan. Dalam Al-Qur'an Allah

berfirman yang bermaksud lebih kurang:


1. "Sesungguhnya engkau (Mohammad) ada-lah sebagai pemberi ingat (muzakkir) bukan-lah sa-orang yang menguasai mereka." Ayat (22) dalam surah (Al-Ghashiah).
2. "Bagi kamu uagama kamu dan bagi ku uagama ku". (Surah Al-Kafirun Ayat 6).
3. "Adakah engkau (Mohammad) memaksa manusia sa-hingga mereka beriman? (Sebahagian Ayat 99 dari Surah Yunus).
4. "Dan tiada-lah kewajipan sa-orang Rasul itu melainkan menyampaikan wahyu2 Allah kepada manusia". Daripada surah Al-Ma'idah.

Ayat2 Al-Qur'an yang telah di-sebutkan di-atas dengan jelas dan tegas menunjukkan bahawa Uagama Islam tidak-lah di-paksakan kepada manusia dan Nabi Mohammad (malahan Rasul2 sebelum-nya) tidak pernah membuat paksa'an apa2 supaya manusia menganut Uagama Islam, kerana kewajipan besar sa-orang Rasul ia-lah sa-kadar sebagai perantaraan un- (Lihat muka 7)

Persatuan Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela Tutong (G.P.P.S.) telah melangsungkan Mashuarat Agong-nya kali ketiga bertempat di-Dewan Asrama, Sekolah2 Melayu Daerah Tutong pada 24 Mach, 1967.

Pegawai Daerah Tutong, Yang Mulia Pengiran Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Persatuan G.P.P.S. Tutong. Gambar ini di-ambil sa-lepas diadakan upacara pembukaan rasmi Mashuarat Agong persatuan tersebut.





Pegawai Daerah Tutong, Yang Mulia Pengiran Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh.



Bangunan Sementara Sekolah Melayu Bukit Udal di-seluruh kiri manakala di-seluruh kanan ia-lah sa-buah



Salah satu Perusahaan Batu Bata di-Daerah Tutong.

Pembangunan Daerah Tutong Di-Pesatkan

Daerah Tutong yang jauh-nya 28 batu dari Bandar Brunei ada-lah satu2-nya daerah dalam negeri yang telah dan sedang memajukan pembangunan-nya bagi faedah penduduk2-nya yang sekarang ini meningkat kepada hampir 15,000 orang.

Sa-jumlah besar peruntukan bagi kemajuan dan perkembangan daerah itu telah pun dibuat bagi membina beberapa buah bangunan2 yang penting dan mustahak bagi kemudahan2 kepada orang ramai.


Pegawai Daerah Tutong, Pgn. Othman bin

Pgn. Anak Salleh menahwakan pembangunan2 itu kerana di-luar sana baik2 saja terna-nan ter-dapat di-perolehi.

Beliau bawakan so-tapak untu-an2 terseb



Kedai2 lama di-Pekan Tutong yang tidak lama lagi akan di-ganti dengan yang baru dan berbentuk moden.



Pegawai Daerah Tutong, Yang Mulia Pengiran Othman bin Pengiran Anak Md. Salleh, di-seluruh kiri manakala di-seluruh kanan ia-lah sa-buah



...-buah rumah guru.

Merah

Kan

nak Mohammad menyatakan ba-
pembinaan ba-
2 itu akan se-
i-lancharkan sa-
aja tapak2 pem-
tersebut selesai
lehi.

u menjelaskan
soal menchari
untuk pembena-
tersebut ada-lah

menjadi satu masa'alah
yang terpaksa di-hada-
pi oleh Kerajaan de-
ngan penoh penelitian
dan pertimbangan.

Pembangunan2 yang
akan di-bena di-daerah
itu ada-lah meliputi ka-
pada lebeh dari 10
buah termasuk bagi
membena bangunan
baru untuk Pejabat2
Kerajaan bagi meng-
gantian yang lama
yang ada sekarang ini.

Bangunan itu akan me-
nelan belanja kira2
\$500,000.00.

Bangunan2 yang lain yang
akan di-bena itu ia-lah
Dewan Kemasharakatan,
Padang Permainan, Balai
Pulis, Balai Bomba, Rumah
Sakit, Sekolah Pertukangan,
Sekolah Inggeris Permulaan,
Bangunan Talikom, Rumah
Persinggahan bagi penghulu2
dan Ketua2 Kampung dan
Rumah Persinggahan bagi
tetamu kehormat.

Sa-lain dari itu, rancha-
ngan2 bagi meninggikan
taraf hidup penduduk2 pe-
dalam daerah tersebut
telah pun di-lancharkan sa-
perti mengadakan jalan2.
kecil, balai2 raya, perigi2
yang baik dan berpuluh2
buah jambatan kecil.

Ranchangan2 tersebut ma-
seh lagi di-teruskan. Sa-

hingga hari ini sa-banyak
1224 batu jalan kecil yang
kebanyakan-nya boleh di-
lalui oleh kereta2 jenis
rangan telah pun siap dan
di-pelihara.

Sa-banyak 19 buah balai
raya telah juga di-dirikan
di-19 buah kampung2 pe-
dalam dalam daerah ter-
sebut dan 49 buah perigi
telah di-adakan di-kam-
pong2 yang lain.

Memandang kapada ran-
changan2 pembangunan bagi
daerah itu, maka daerah
Tutong akan menjadi sa-
buah daerah dalam negeri ini
yang akan menchapai kema-
juan yang bagitu mengka-
gumkan sesuai dengan chita2
Kerajaan bagi mengujudkan
negeri ini sa-bagai sa-buah
negara yang berkembang
maju dan penduduk-nya
hidup dalam suasana aman
dan makmor.



Pegawai Daerah Tutong, Yang
Mulia Pengiran Othman sa-masa
melawat sa-batang jalan kecil
yang telah siap di-bena di-Bt. Udat.



an Othman (memakai tali leher) ketika melawat
satu buah Kampung di-Tanjong Maya yang meng-
n jentera.



Satu pemandangan dari udara menunjukkan bangunan ruman2 Kerajaan di-Bukit Bendera, Tutong.



PERTANDINGAN SOKAN DAERAH BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Sokan Amateur Daerah Brunei akan di-langsungkan di-Padang Besar, Bandar Brunei pada hari Sabtu 22 April, 1967.

Pertandingan Sokan Kejohanan Sa-Negeri Brunei pula di-jangka akan di-langsungkan di-Gelanggang Sokan Setia pada hari Sabtu 29 April, 1967.

Sementara itu, menurut satu siaran yang di-terbitkan oleh Persatuan Sokan Amateur Daerah Brunei, tiap2 orang dewasa dan belia di-Daerah Brunei ada-lah di-galakkan untuk mengambil bahagian dalam Pertandingan Sokan Daerah Brunei.

Siaran itu menyebut antaranya bahawa sa-kira-nya peserta2 itu berjaya dalam Pertandingan Sokan Daerah Brunei, mereka akan di-pilih mewakili Daerah Brunei dalam Pertandingan Sokan Kejohanan Sa-Negeri Brunei. Dan, kalau-lah mereka bernasib baik dalam Pertandingan Sokan Kejohanan Sa-Negeri Brunei, mereka akan di-pilih untuk mewakili Negeri Brunei dalam Pertandingan Sokan Kejohanan Borneo yang akan di-langsungkan di-negeri ini dalam bulan Julai akan datang.

Borang2 untuk masuk bertanding boleh di-dapati dari Awg. Abdi Manaf atau Awg. Eli Bentigao di-Pejabat Pelajaran Brunei atau pun daripada Awk. Idriss P.K.I. Haji Mohammad di-Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Tarikh penutup untuk masuk bertanding ia-lah hari Sabtu 8 April, 1967 jam 4-00 petang.

Achara2 yang akan di-adakan di-temasha Sokan tersebut ada-lah seperti berikut:

Bahagian Lelaki: Lari 100 meter terus. Lari 200 meter terus. Lari 400 meter terus. (Lihat muka 7)

Sambutan Hari Raya Haji Di-Burong Pingai

KAMPONG BURONG PINGAI. — Penduduk2 Kampung Burong Pingai, Kampung Ayer, Brunei telah menyambut Hari Raya Aidil Adzha dengan mengadakan berbagai2 acara bertempat di-Balai Muafakat. kampung tersebut pada 24 Mach, 1967.

Di-antara acara2 yang telah di-langsungkan itu ia-lah Majlis Membacha Do'a Selamat pada petang hari tersebut. Pada sabalah malam-nya pula telah di-adakan Persembahan Membacha Kitab Suchi Al-Qur'an; Sharahan Khas, Peraduan Takbir Hari Raya dan Peraduan Membacha Sajak.

Ustazah Nafsiah binte Haji Ratman, sa-orang Guru Agama Perempuan di-Kampung tersebut telah melafadzkan satu sharahan khas menyambut Hari Raya Aidil Adzha.

Dalam ucapan-nya, Ustazah

RENTAS DESA M. P. M. B.

BERAKAS. — Seramai 100 orang peserta2 lelaki dan perempuan, ia-itu terdiri dari 80 orang peserta2 lelaki dan 20 orang peserta2 perempuan, akan mengambil bahagian dalam temasha Perlumbaan Rentas Desa Maktab Perguruan Melayu Brunei pada hari Khamis, 6 April, 1967.

Peserta2 itu ada-lah terdiri dari empat pasokan ia-itu Ruma2 Nakhoda Manis, Awang Semaun, Nakhoda Ragam dan Bendahara Sakam.

Peserta2 lelaki akan berlumba sa-jauh empat batu, manakala peserta2 perempuan pula akan berlumba sa-jauh tiga batu.

Hadiah2 akan di-sampaikan oleh Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking di-temasha Sokan Tahunan Maktab Perguruan Melayu Brunei pada 16 April, 1967.

Nafsiah telah menitek-beratkan mengenai Sejarah Korban serta panduan dan nasehat terutama kepada penuntut2 Dewasa Uga-ma dan 'am-nya kepada seluruh penduduk kampung tersebut.

Ustaz Abdul Rahim bin Haji Hashim, sa-orang Guru Agama kampung tersebut telah juga melafadzkan satu ucapan yang berupa nasehat.

Awang Haji Osman bin Abdul Kadir telah menyampaikan hadiah2 di-majlis tersebut.

Keputusan peraduan2 yang telah di-adakan itu ada-lah seperti berikut:

Peraduan Takbir Bahagian Lelaki: Pertama — Awang Sulaiman bin Haji Nasir. Kedua — Awang Timbang bin Osman. Ketiga — Awg. Raini bin Husain.

Peraduan Takbir Bahagian Perempuan: Pertama — Dy. Maimun binte Khatib Haji Mohsin. Kedua — Dy. Nor'aini binte Khatib Haji Mohsin. Ketiga — Dy. Masni binte Haji Osman.

Peraduan Membacha Sajak: Pertama — Awg. Abu Bakar bin Abdul Latif. Kedua — Dy. Zaini binte Khatib Haji Mohsin. Ketiga — Awg. Ismail bin Hidup.

Sa-belum di-adakan Majlis Penyampaian Hadiah, Awang Tahir bin Ja'afar telah Membacha Kitab Suchi Al-Qur'an. Majlis sambutan itu di-akhiri dengan Baca'an Do'a Selamat oleh Ustaz Abdul Rahim bin Haji Hashim.

Gambar ini di-ambil di-Majlis Perjumpaan Hari Raya Haji yang telah di-adakan oleh penduduk2 Kampung Burong Pingai di-Balai Muafakat, Kampung Burong Pingai, Kampung Ayer Brunei dalam bulan Mach yang lalu.

Kursus Kerjasama Pemimpin2 Belia Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Kursus Kerjasama Khas bagi Pemimpin2 Belia Negeri Brunei akan di-adakan sa-lama tiga hari di-Bandar Brunei mulai pada 28 April, 1967 hingga 30 April, 1967.

Kursus tersebut akan di-adakan di-bawah anjuran Majlis Belia Negeri Brunei dan di-bantu oleh Perhimpunan Belia Sa-Dunia ("World Assembly of Youth").

Sementara itu, menurut satu Siaran yang di-tanda tangani oleh Setia Usaha Agong Tertinggi, Majlis Belia Negeri Brunei, Awang Yahya Mohd. Yusof, saramai 40 orang Wakil Rasmi saja akan di-pilih, ia-itu tidak lebih dari sa-orang daripada tiap2 Persatuan Belia di-Negeri Brunei.

Siaran itu menyebutkan bahawa keistimewaan ada-lah terlebih dahulu di-beri kepada Ahli2 Majlis Belia Negeri Brunei.

Bayaran bagi mengikuti Kursus Pemimpin2 Belia itu ia-lah \$15.00 bagi tiap2 sa-orang yang terpilih. Wang bayaran ini mesti-lah di-jelaskan kepada Bendahari Agong, Majlis Belia Negeri Brunei, Awang Ahmad Kadi di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei. Bayaran ini ia-lah bagi bayaran makan dan minum selama kursus itu di-jalankan.

Tempat tinggal sa-lama kursus tersebut juga akan di-sediakan kepada Wakil2 Rasmi.

Wakil2 Tidak Rasmi tidak-lah di-hadkan, akan tetapi, Persatuan2 yang ingin menghantar mereka hendak-lah menghantar bilangan dengan mengisi borang yang sama bagi Wakil Rasmi itu.

Borang tersebut mesti-lah di-hantar ka-Ibu Pejabat Majlis Belia Negeri Brunei tidak lewat daripada hari Sabtu 15 April, 1967.

KENYATA'AN KAPADA PELAUT2

Pelaut2 ada-lah di-beritahu bahawa satu platform jentera pelombong SEDCO 135A telah di-gerakan dan telah melumbong, dalam kedudukan garisan lintang 04° 39' 52" utara, garisan bujur 114° 07' 04" timur. SEDCO 135A itu ada-lah kira2 280 kaki tinggi. Ia kelihatan pada siang hari dan di-chahayai

oleh lampu2 terang pada malam hari.

Pelaut2 ada-lah di-minta untuk memberikan kawasan penambatan yang luas kepada platform pelombong itu. Kapal2 yang terpaksa melalui berhampiran dengan platform pelombong itu mesti-lah belayar dengan perlahan.

SOKAN SEKOLAH² MELAYU SA-NEGERI

BRUNEI

oleh:

Md. Husain Zainal

PERLAWANAN Sokan antara Sekolah² Rendah Melayu sa-Negeri Brunei, ada-lah satu daripada projek perlawanan tahunan yang di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran, Brunei, Bahagian Pendidikan Jasmani.

Perlawanan Peringkat Daerah yang telah di-jalankan ada-lah seperti berikut:—

PADA 31 MACH, 1967: Perlawaan antara Sekolah² Rendah Melayu Bahagian Brunei III, bertempat di-Padang Sekolah Melayu Pengkalan Batu. Sebanyak 14 buah Sekolah yang telah menyertai perlawanan. Ramai peserta berjumlah 181 orang peserta² Laki² dan 101 orang peserta Perempuan.

Sekolah² yang mengambil bahagian: 1. Sekolah Melayu Masin; 2. Sekolah Melayu Sungai Besar; 3. Sekolah Melayu Puduk; 4. Sekolah Melayu Limau Manis; 5. Sekolah Melayu Panchor Murai; 6. Sekolah Melayu Pulau Berbunut; 7. Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru.

8. Sekolah Melayu Putat; 9. Sekolah Melayu Dato Gandhi; 10. Sekolah Melayu NAR Menunggol; 11. Sekolah Melayu Kasat; 12. Sekolah Melayu Lumapas; 13. Sekolah Melayu Pengkalan Batu; 14. Sekolah Melayu Batu Marang.

Temasha Perlawanan Sokan pada petang itu telah di-rasmikan oleh Yang Mulia Pengiran Idris bin Pengiran Kerma Indera Haji Muhammad dan beliau juga terus menyampaikan hadiah² rebutan kepada pasukan yang berjaya.

KEPUTUSAN PERLAWANAN

(i) *Kumpulan Laki² "A"* *Pertama:* Pasokan Sekolah Melayu Dato Gandhi, mendapat 36 mata; *Kedua:* Pasokan Sekolah Melayu Lumapas, mendapat 23 mata; *Ketiga:* Pasokan Sekolah Melayu Batu Marang, mendapat 22 mata.

(ii) *Kumpulan Laki² "B"* *Pertama:* Pasokan Sekolah Melayu Lumapas, mendapat 26 mata; *Kedua:* Tiga buah Sekolah mendapat sama mata ia-itu 12 mata, Sekolah² itu ia-lah Sekolah Melayu Pulau Berbunut, Sekolah Melayu Dato Gandhi dan Sekolah Melayu Batu Marang; *Ketiga:* Pasokan Sekolah Melayu Puduk, mendapat 7 mata.

(iii) *Kumpulan Laki² "C"* *Pertama:* Pasokan Sekolah Melayu Batu Marang, mendapat 19 mata; *Kedua:* Pasokan Sekolah Melayu Dato Gandhi, mendapat 13 mata; *Ketiga:* Pasokan Sekolah Melayu Pengkalan Batu, mendapat 8 mata.

(iv) *Kumpulan Laki² "D"* *Pertama:* Pasokan Sekolah

Melayu Dato Gandhi, mendapat 13 mata; *Kedua:* Pasokan Sekolah Melayu Lumapas, mendapat 12 mata; *Ketiga:* Pasokan Sekolah Melayu Batu Marang, mendapat 6 mata.

(v) *Kumpulan Perempuan "A" Pertama:* Dua buah Sekolah mendapat sama mata — 15 mata, Sekolah² itu ia-lah Sekolah Melayu Menunggol dan Sekolah Melayu Pengkalan Batu; *Kedua:* Pasokan Sekolah Melayu Lumapas, mendapat 12 mata; *Ketiga:* Pasokan Sekolah Melayu Dato Gandhi, mendapat 11 mata.

(vi) *Kumpulan Perempuan "B" Pertama:* Pasokan Sekolah Melayu Lumapas, mendapat 12 mata; *Kedua:* Pasokan Sekolah Melayu Dato Gandhi, mendapat 10 mata; *Ketiga:* Pasokan Sekolah Melayu Pulau Berbunut, mendapat 9 mata.

(vii) *Champoran mata kemenangan Laki² dan Perempuan Pertama:* Pasokan Sekolah Melayu Dato Gandhi, mendapat 95 mata; *Kedua:* Pasokan Sekolah Melayu Lumapas, mendapat 88 mata; *Ketiga:* Pasokan Sekolah Melayu Batu Marang, mendapat 60 mata.

Pemenang² yang mendapat pangkat pertama tiap2 jenis perlumbaan dari tiap2 kumpulan akan menjadi wakil Sekolah² Rendah Melayu Bahagian Brunei III, masuk ka-Perlawanan Sokan Peringkat Negeri.

PADA 2 APRIL, 1967: Sekolah Menengah Melayu Pertama, Brunei telah mengadakan sokan tahunan-nya bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei.

PERLAWANAN

BOLA SEPAK

PEJABAT² KERAJAAN

Perlawanan Bola Sepak antara Pejabat² Kerajaan Daerah Brunei, Muara dan Tutong atas anjoran Persatuan Bola Sepak Daerah Brunei. Perlawanan dibahagikan dua kumpulan ia-itu kumpulan "A" dan "B" chara perlawanan suku akhir, setengah akhir dan akhir chara kalah mati. Yang lain-nya chara kumpulan pukul keliling ia-itu 3 pasukan tiap2 sa-kumpulan.

Semua perlawanan bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei, dan tiap2 permainan dimulakan jam 4-45 petang.

Pasokan² yang menyertai perlawanan:

Kumpulan "A": 1. Pejabat Pelajaran; 2. Jabatan Daerah Tutong; 3. Jabatan Kerja Raya; 4. Jabatan Perubatan.

5. Askar Melayu Di-Raja, Brunei; 6. Jabatan Pertanian; 7. Penyiaran & Penerangan; 8. Jabatan Polis Di-Raja; 9. Jabatan Pentadbiran.

Kumpulan "B": 1. Askar Melayu Di-Raja, Brunei; 2. Jabatan Perkhidmatan Bomba; 3. Gabungan Daerah Brunei; 4. Jabatan Ugama; 5. Jabatan Elektrik.

6. Jabatan Siaran Radio & Penerangan; 7. Pejabat Pelajaran; 8. Jabatan Store; 9. Jabatan Post dan Telekom; 10. Jabatan Kerja Raya; 11. Jabatan Daerah Tutong; 12. Jabatan Bandaran.

Perlawanan yang telah di-jalankan ada-lah seperti berikut:—

1. Pada 27 Mach, 1967: Perlawanan Bahagian "A" antara Pasokan Pejabat Pelajaran dengan Pasokan Gabungan Daerah Tutong. Keputusan-nya Pasokan Pejabat Pelajaran menang dengan 10 gol tidak berbalas.

2. Pada 28 Mach, 1967: Perlawanan Bahagian "B" antara Pasokan Askar Melayu Di-Raja, Brunei dengan Pasokan Bomba. Keputusan-nya perlawanan itu seri 2 gol berbalas 2 gol.

3. Pada 29 Mach, 1967: Perlawanan Bahagian "A" antara Pasokan Perubatan dengan Pasokan Askar Melayu Di-Raja, Brunei. Keputusan-nya Pasokan Askar Melayu Di-Raja, Brunei menang dengan 5 gol tidak berbalas.

4. Pada 30 Mach, 1967: Perlawanan Bahagian "B" antara Pasokan Ugama dengan Pasokan Elektrik. Keputusan-nya perlawanan itu seri 5 gol berbalas 5 gol.

5. Pada 1 April, 1967: Perlawanan Bahagian "A" antara Pasokan Penyiaran & Penerangan dengan Pasokan Polis Di-Raja. Keputusan-nya Pasokan Polis Di-Raja menang dengan 4 gol berbalas 1.

BENARKAH ISLAM

DI-SIARKAN DENGAN PEDANG?

(Dari muka 3)

tok menyampaikan wahyu² Allah kepada umat manusia.

Dengan prinsip² yang tegas ini-lah Islam itu di-sampaikan dan di-ajarkan kepada umat manusia.

Pemaksaan tidak timbul dalam so'al tersebut. Kerana jika di-tinjau dari segi Ilmu Kaji Jiwa sesuatu keyakinan tidak akan dapat hidup dan bertapak di-jiwa jika dengan paksa'an Sebab itu Islam dalam penyampaian-nya sentiasa membuat perhitungan dengan akal fikiran.

Al-Qur'an sentiasa menyuruh manusia supaya menggunakan 'akal fikiran untuk memerhati, meneliti dan memikirkan kejadian 'alam, kejadian diri, dan sebagai-nya supaya manusia benar² beriman kepada Allah sebagai Maha Pencipta dan Maha Kuasa atas dasar yang timbul dari hasil pemikiran dan keyakinan sendiri. Lihat-lah apa firman Allah dalam Al-Qur'an:

1. (Apakah tiada mereka perhatikan kepada unta bagaimana ia-nya di-jadikan, kepada langit bagaimana ia-di-tinggikan, kepada bukit bagaimana ia-nya di-tegakkan dan kepada bumi bagaimana ia-nya di-datar kan?) (Surah Al-Ghashiah).
2. (Dan pada diri kamu tidakkah kamu perhatikan?)
3. Katakan-lah (hai Muhammad) kepada mereka, bentangkan-lah alasan kamu jika kamu benar!

Dengan Ayat² Al-Qur'an ini jelas-lah kepada kita bagaimana Al-Qur'an membuat perdebatan dengan akal fikiran manusia sebagai saluran untuk beriman kepada Allah atas dasar keyakinan sendiri.

(Bersambung)

Gunakan-lah Bahasa

Melayu

Pertandingan Sokan Daerah Brunei

(Dari muka 6)

Lari 800 meter keliling. Lari 1,500 meter keliling. Lari 5,000 meter keliling.

Lari 110 meter lompat pagar tinggi. Lari 400 meter lompat pagar rendah.

Lompat tinggi, lompat jauh, Lompat kijang, Melempar piring. Melontar lembing. Mem-

buang peluru, lompat bergalah.

Lari 4x100 meter berganti² dan lari 4x400 meter berganti².

Bahagian Wanita: Lari 100 meter terus, lari 200 meter terus, lari 400 meter terus, lari 80 meter lompat pagar rendah.

Lompat tinggi, lompat jauh, melempar piring, melontar lembing, membuang peluru dan lari 4x100 meter berganti².


Gambar ini di-ambil di-upacara Pembukaan Rasmi Sokan Tahunan Sekolah Menengah Melayu Pertama, di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Ahad 2 April, 1967. Dalam gambar ini kelihatan sa-bilangan daripada penuntut2 perempuan dan penuntut2 lelaki S.M.M.P. yang telah mempersembahkan Pertunjukan Seni Silat di-temasha Sokan tersebut.

Sokan Sekolah2 Melayu Bahagian Belait

KUALA BELAIT. — Sekolah Melayu Muhammad Alam, Setia telah berjaya menyandang gelaran Johan semua peringkat dalam Sokan Peringkat Daerah, Sekolah2 Rendah Melayu Bahagian Belait di-Padang Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait pada hari Ahad 2 April, 1967.

Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin telah menyandang gelaran Naib Johan di-temasha Sokan tersebut.

Yang Mulia Awang Abdulah bin Haji Ja'afar, Penolong Pegawai Daerah Belait, selaku Yang Dipertua temasha sokan tersebut telah merasmikan pembukaan sokan itu.



PERTUNJOKAN SENI SILAT PENUNTUT2 S. M. M. P.

SATU Pertunjukan Seni Silat telah di-persembahkan oleh Penuntut2 lelaki dan perempuan Sekolah Menengah Melayu Pertama di-bawah Pimpinan Che'gu Pengiran Mohd. Yunus bin Pengiran Besar di-temasha Sokan Tahunan S.M.M.P. di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Ahad 2 April dengan memperolehi kepujian daripada para penonton.

Ini-lah kali pertama penuntut2 lelaki dan perempuan Sekolah Menengah Melayu Pertama mempersembahkan Pertunjukan Seni Silat di-temasha Sokan mereka.

Meskipun latihan Seni Silat itu di-jalankan dalam masa yang singkat sahaja, menurut Pengawas Badan Seni Silat S.M.M.P. Che'gu Pengiran Mohd. Yunus, akan tetapi penuntut2 yang mengambil bahagian dalam pertunjukan tersebut telah menunjukkan kebolehan mereka di-hadapan orang ramai di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Ahad yang lalu.

Menurut Che'gu Pengiran Mohd. Yunus: "Seni Silat ini adalah kali yang pertama di-pertunjukan oleh penuntut2 sekolah di-negeri Brunei. Di-dalam Seni Silat ini, kami menitik-beratkan aspek2 seni dan pergerakan2 Pendidekan Jasmani dan pembentokan2 peribadi bagi sa-saorang penuntut".

Beliau percaya bahawa latihan2 pergerakan ini berkehendakan pengawalan diri yang amat tinggi serta kesabaran hati dan seni ini juga membolehkan penuntut2 itu memperchayai diri-nya dalam menghadapi masa'alah hidup sa-hari2, kerana ini ada-lah sa-benar-nya ramuan2 asas dalam pembentokan sa-orang warga Negara yang baik dan berjiwa kepada negara kita, kata beliau.

Pertunjukan Seni Silat yang di-persembahkan oleh penuntut2 S.M.M.P. itu di-bahagikan kepada langkah2 permulaan dan langkah2 peraduan. Penuntut2 perempuan hanya menunjukan langkah2 peraduan sahaja.

Mudah2an dengan latihan bersungguh2, penuntut2 tersebut akan memperolehi kejayaan yang gilang gemilang dalam Seni Silat itu pada masa hadapan kelak.

SOKAN BORNEO

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Sokan Kejujutan Seluruh Borneo yang di-kenali dengan nama "Borneo Games" akan di-langsungkan di-Negeri Brunei pada tahun ini.

Temasha Sokan tersebut akan di-adakan di-

Gelanggang Sokan Setia selama dua hari, ia-itu hari Juma'at 14 Julai dan hari Sabtu 15 Julai.

Pasokan2 dari Negeri2 Brunei, Sabah dan Sarawak akan mengambil bahagian dalam temasha Sokan tersebut.

SOKAN S.M.M.P. BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Penolong Penguasa Pelajaran Melayu Brunei, Awg. Mohamed Husain bin Mohamed Yusof telah merasmikan pembukaan temasha Sokan Tahunan Sekolah Menengah Melayu Pertama, Bandar Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Ahad 2 April, 1967.

Di-antara ramai para hadirin di-temasha sokan itu ia-lah Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking; Pengarah Pelajaran Brunei, Dato Paduka Awang Malcolm MacInnes; Pegawai2 Kanan Kerajaan; Nadzir2, Guru2 Besar Sekolah2 Melayu; serta para ibu bapa penuntut2 S.M.M.P.

Di-antara achara2 yang menarik hati para penonton di-temasha Sokan Tahunan S.M.M.P. itu ia-lah Pertunjukan Seni Silat.

Ini-lah kali yang pertama pertunjukan Seni Silat itu di-persembahkan oleh penuntut2 lelaki dan perempuan S.M.M.P. di-bawah pimpinan Che'gu Pengiran Mohd. Yunus bin Pengiran Besar.

Di-antara pertunjukan tersebut ia-lah Pertunjukan Memechahkan Papan tinggi-nya kira2 1½ inci oleh beberapa orang penuntut lelaki serta Pertunjukan Langkah Peraduan oleh penuntut2 perempuan.

Sa-lain daripada berbagai2 jenis perlawanan antara penuntut2 S.M.M.P., telah di-adakan juga Perlawanan2 Terbuka Kepada Sekolah2 Lelaki dan Perempuan.

Pegawai2 yang bertugas di-temasha Sokan itu telah tidak juga ketinggalan mengambil bahagian dalam temasha Sokan tersebut.

Mereka telah mengambil bahagian dalam Perlawanan Tarek Tali ia-itu di-antara Pegawai2 yang beristeri dan Pegawai2 bujang.

Pegawai2 yang beristeri telah mengalahkan Pegawai2 bujang dalam Perlawanan Tarek Tali itu.

Sa-baik sahaja selesai di-langsungkan tiap2 jenis perlawanan, beberapa orang di-antara para penonton telah di-jemput untuk mengalungkan Pingat2 Emas, Perak dan Gangsa kepada pemenang2 dalam perlawanan2 itu.

Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking telah menyampaikan hadiah2 Piala2 Perak dan hadiah2 yang lain kepada pemenang2 di-temasha Sokan itu pada akhir temasha tersebut.

Keputusan antara2 Rumah2 ada-lah seperti berikut:

Johan — Rumah Seladang dan Rumah Beruang. Rumah Seladang telah mendapat 99 mata dan begitu juga Rumah Beruang telah mendapat 99 mata. **Naib Johan** — Rumah Pelandok, mendapat 84 mata. **Ketiga** — Rumah Rusa mendapat 81 mata.